

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 OGOS 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tangau minta pemimpin UPKO jelaskan isu semasa kepada akar umbi	BERNAMA
2.	MOSTI cadang wujudkan bandar angkasa dalam tempoh lima tahun	BERNAMA
3.	Cadang wujud bandar angkasa	Utusan Online
4.	RM70j bantu syarikat teknologi	Berita Harian
5.	Malaysia perlu syarikat berteknologi tinggi	Utusan Malaysia



Tangau Minta Pemimpin UPKO Jelaskan Isu Semasa Kepada Akar Umbi

NABAWAN, 22 Ogos (Bernama) -- Pemangku Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), **Datuk Madius Tangau** meminta barisan pemimpin parti itu memberi penjelasan kepada anggotanya di peringkat akar umbi tentang pelbagai isu terkini negara.

Beliau berkata mereka perlu turun padang untuk membantu memberi penjelasan kepada orang ramai tentang perkara sebenar berkaitan isu dan tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan dan pemimpinnya.

Ketika melancarkan program Lawatan Bakti Rakyat parti itu di sini hari ini, **Tangau, yang juga Menteri Sains Teknologi dan Inovasi**, berkata UPKO perlu berdiri teguh bersama-sama kepimpinan negara dan "perkara ini perlu diterangkan dengan sejelas-jelasnya kepada rakyat".

"Para pemimpin parti khususnya, tidak lagi boleh percaya dengan semua tuduhan itu. Kita perlu mempunyai keyakinan terhadap kerajaan," katanya pada program itu yang diselenggarakan Biro Penyelidikan dan Latihan UPKO.

Sementara itu, Tangau membidas penganjur demonstrasi Bersih 4.0, yang dilaporkan memberi elaun RM400 kepada setiap individu yang menyertai demonstrasi itu.

"Bukankah suatu perbuatan rasuah apabila mengupah seseorang untuk menyertai demonstrasi bagi menggulingkan kerajaan yang memerintah?", tanyanya.

-- BERNAMA



MOSTI Cadang Wujudkan Bandar Angkasa Dalam Tempoh Lima Tahun

JEMPOL, 21 Ogos (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) bercadang mewujudkan sebuah bandar angkasa di negara ini bagi mendalami kajian dalam bidang aeroangkasa, dalam tempoh lima tahun.

Timbalan menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata MOSTI sudah mengenal pasti kawasan untuk dijadikan bandar angkasa itu.

"Tempat sudah ada... daripada segi kemudahan, kepadatan penduduk, kedudukan latitud, sangat sesuai untuk letak roket, jadi di situ akan ada bandar angkasa.

"Di bandar angkasa ini nanti, kita ada pusat penyelidikan yang menumpukan pada pendidikan angkasa lepas, institusi penyelidikan angkasa lepas dan latihan untuk angkasa lepas.

"Kita juga nak buat satu pelancar roket seperti yang ada di Pusat Angkasa Guiana di French Guiana, Amerika Selatan untuk membolehkan negara di rantau Asia Tenggara menggunakan kemudahan itu bagi tujuan penyelidikan angkasa lepas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas berakhir Majlis Bacaan Yasin 58 Jam Berterusan Untuk Negara di MRSM Serting, di sini Jumaat.

Abu Bakar berkata dengan kewujudan bandar angkasa itu nanti, MOSTI menyasarkan sekurang-kurangnya 70 peratus penyelidikan di negara ini akan menjurus ke arah bidang angkasa lepas.

"Saya nampak penyelidikan di Malaysia akan lebih berfokus dan ini sesuai dengan matlamat negara menjadi negara berpendapatan tinggi dengan mengeluarkan teknologi sendiri.

"Sudah tentu penyelidikan dalam bidang lain mesti diteruskan tetapi untuk menyokong bandar angkasa ini, kita memerlukan banyak penyelidikan baru," katanya.

Beliau berkata kewujudan bandar angkasa ini dijangka mewujudkan sekurang-kurangnya 10,000 peluang pekerjaan dengan 40 peratus daripadanya terdiri daripada golongan professional.

Dalam perkembangan lain, Abu Bakar berkata MOSTI telah membelanjakan sebanyak RM928 juta dalam bidang penyelidikan dan pembangunan untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Sementara itu, program bacaan Yasin itu merupakan acara julung kali diadakan di MRSM Serting bersempena dengan 58 tahun kemerdekaan Malaysia.

Program ini disertai 308 peserta terdiri daripada pelajar, guru dan staf sokongan.

Dalam program itu, peserta memulakan bacaan Yasin tanpa henti selama 58 jam bermula pada jam 12.01 tengah malam 19 Ogos dan berakhir pada hari ini jam 10 pagi, sambil dipantau wakil Malaysia Books of Records.



Cadang wujud bandar angkasa



Abu Bakar Mohamad Diah (tengah) bersama pelajar sambil memegang sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records yang diterima MRSM Serting semasa Majlis Bacaan Yassin 58 Jam Berterusan Untuk Negara di Jempol, Negeri Sembilan, semalam.

JEMPOL 21 Ogos - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bercadang mewujudkan sebuah bandar angkasa di negara ini bagi mendalami kajian dalam bidang aeroangkasa, dalam tempoh lima tahun.

Timbalan menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, MOSTI sudah mengenal pasti kawasan untuk dijadikan bandar angkasa itu.

"Tempat sudah ada... dari segi kemudahan, kepadatan penduduk, kedudukan latitud, sangat sesuai untuk letak roket, jadi di situ akan ada bandar angkasa.

"Di bandar angkasa ini nanti, kita ada pusat penyelidikan yang menumpukan pada pendidikan angkasa lepas, institusi penyelidikan angkasa lepas dan latihan untuk angkasa lepas.

"Kita juga nak buat satu pelancar roket seperti yang ada di Pusat Angkasa Guiana di French Guiana, Amerika Selatan untuk membolehkan negara di rantau Asia Tenggara menggunakan kemudahan itu bagi tujuan penyelidikan angkasa lepas," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Bacaan Yassin 58. Jam Berdebuhan Untuk Negara, sempena kemerdekaan negara ke-58 di Dewan Gemilang, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Serting, di sini hari ini.

Katanya lagi, lokasi projek itu akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sedikit masa lagi.

"Kita berharap pembangunan bandar angkasa yang dijangka bermula lima tahun lagi, membolehkan negara bersaing bukan sahaja untuk menghantar angkasawan ke angkasa lepas tetapi membolehkan 80 peratus bidang penyelidikan berkaitan teknologi dan kejuruteraan angkasa yang sebelum ini banyak dijalankan di luar negara dijalankan di sini," katanya.

Jelasnya, projek itu dijangka dapat mewujudkan hampir 15,000 peluang pekerjaan dengan 40 peratus daripada jumlah itu adalah golongan profesional, selain kakitangan sokongan dan separuh mahir bekerja di sektor berkenaan.

"Walaupun kos pembangunan berkenaan adalah tinggi namun projek pembangunan itu akan memberi pulangan yang tinggi apatah lagi kemudahan yang ada di bandar angkasa ini boleh digunakan negara lain di Asia Tenggara.

"Kita juga tidak akan menghadapi masalah tenaga kerja berikutan ketika ini banyak universiti sudah mengadakan program aeroangkasa selain jurutera projek satelit Razaksat 2 yang sudah menjalani latihan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abu Bakar berkata, sehingga Jun 2015 sebanyak RM928 juta sudah dibelanjakan oleh MOSTI bagi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) menerusi 1,726 projek.

RM70j bantu syarikat teknologi

» MTDC salur dana kepada firma berpotensi, berinovasi

Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bh.com.my

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Sdn Bhd, masih mempunyai peruntukan berjumlah RM70 juta di bawah Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) untuk disalurkan kepada syarikat berkaitan teknologi sehingga akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus, berkata MTDC sudah menyalurkan sebanyak RM140 juta kepada 99 syarikat dalam bentuk geran menerusi dana itu daripada peruntukan keseluruhan RM235 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Katanya, syarikat tempatan yang mempunyai potensi dan berinovasi untuk dikembangkan pada peringkat antarabangsa akan dibantu mendapatkan geran pembiayaan sehingga RM4 juta di bawah CRDF.

"Kami menyasarkan sekurang-kurangnya 20 syarikat teknologi akan dibantu dari aspek pengkomersialan sekali gus memacu pertumbuhan syarikat berkenaan menjadi firma teknologi berdaya saing.

"Ia sejajar dengan matlamat negara mencapai Wawasan 2020 antara lain dengan mewujudkan



Norhalim (tengah) dan Kian Hoe (kiri) **menunjukkan plastik** yang telah diproses pada majlis pelancaran kilang baharu Heng Hiap Industries Sdn Bhd di Pasir Gudang, semalam.

lebih banyak syarikat berteknologi tinggi dan melahirkan lebih ramai pekerja berpengetahuan dan pendapatan tinggi," katanya kepada sidang media selepas majlis pelancaran kilang baharu Heng Hiap Industries Sdn Bhd di Pasir Gudang, Johor, semalam.

Yang hadir sama ialah Pengarah Urusan Heng Hiap Industries, Seah Kian Hoe.

Heng Hiap Industries adalah penerima geran CRDF berjumlah RM3.75 juta pada 2008 yang menjalankan pengkomersialan bahan plastik mesra alam daripada bahan buangan.

Norhalim berkata, MTDC turut menguruskan empat lagi dana lain iaitu Dana Pengambilalihan Teknologi (TAF) yang masih berba-

ki RM18 juta diikuti Dana Permulaaan Perniagaan (BSF) (RM6 juta) dan Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF) (RM13 juta) untuk diagihkan sehingga akhir tahun ini.

Kembang perniagaan

Bagi Dana Pengembangan Bumiputera (BEF) katanya masih mempunyai peruntukan RM75 juta untuk diagihkan kepada syarikat teknologi Bumiputera berasaskan teknologi mengembangkan perniagaan pada peringkat tempatan dan global.

Katanya, CRDF dan TAF dibekalkan dalam bentuk geran dan yang lain dalam bentuk dana mudah alih.

Sementara itu, Kian Hoe berkata syarikat itu melabur kira-

kira RM20 juta bagi kemudahan kilang baharunya di Tanjung Langsat, Pasir Gudang dalam usaha meningkatkan pengeluaran bahan plastik daripada bahan kitar semula.

Ketika ini, katanya syarikat mengeluarkan kira-kira 1,500 tan sebulan dan ia dijangka meningkat kepada 3,500 tan sebulan menjelang akhir tahun ini.

"Pada masa ini, pasaran eksport menguasai hampir 90 peratus daripada pengeluaran syarikat yang dieksport ke 22 negara termasuk Jepun, Amerika Syarikat, Jerman dan Australia," katanya sambil menambah Eropah menjadi pasaran eksport terbesar syarikat.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 22 OGOS 2015 (SABTU)



NORHALIM YUNUS (tiga dari kanan) bersama Seah Kian Hoe (kiri), menunjukkan bahan mentah plastik yang telah dikitar semula selepas majlis perasmian kilang kitar semula milik Heng Hiap Industries Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN

Malaysia perlu syarikat berteknologi tinggi

PASIR GUDANG 21 Ogos - Malaysia memerlukan lebih banyak syarikat berteknologi tinggi untuk menukarkan bahan mentah tempatan menjadi produk yang boleh dieksport ke luar negara dalam usaha mencapai Wawasan 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunus berkata, walaupun memiliki teknologi kurang berbanding negara dunia pertama, tetapi perkara itu dapat diatasi sekiranya seseorang itu memiliki visi.

Menurutnya, antara cabaran yang dihadapi usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat antarabangsa adalah kekurangan dana, teknologi diperlukan serta rangkaian perniagaan.

"Sekiranya cabaran tersebut dapat diatasi, pasti Malaysia akan dapat mencapai Wawasan 2020 dengan penghasilan

teknologi baharu yang dapat memberi manfaat kepada pembangunan negara.

"MTDC dapat membantu usahawan tempatan bukan sahaja menerusi penganugerahan geran, malah juga kajian teknologi melalui kerjasama dengan universiti serta rangkaian perniagaan yang dimiliki dalam dan luar negara," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Pra-Pelancaran Kilang Plastik Heng Hiap Industries Sdn. Bhd. (HHI), di sini hari ini.

Norhalim berkata, MTDC masih memiliki dana berjumlah RM70 juta di bawah Dana Pengkomersialan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) untuk disalurkan sepanjang tahun ini kepada syarikat tempatan berkaitan teknologi.

"Pada waktu ini, MTDC menerusi CRDF telah mengeluarkan geran sebanyak RM140 juta kepada 99 syarikat daripada keseluruhan peruntukan geran ber-

jumlah RM235 juta.

"Syarikat berkaitan teknologi yang layak boleh menerima geran maksimum sebanyak RM4 juta menerusi CRDF," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan HHI, Seah Kian Hoe memberitahu, pihaknya antara syarikat tempatan yang menerima geran MTDC di bawah CRDF berjumlah RM3.75 juta pada 2008 bagi usaha mengkomersialkan plastik kitar semula mesra alam.

"Syarikat ini kini mengeluarkan sebanyak 1,500 tan plastik mesra alam setiap bulan dan lebih 80 peratus produk kami dieksport ke 22 buah negara termasuk Jepun, Korea Selatan, Amerika Syarikat, Itali dan Sepanyol.

"Bahan plastik yang kami hasilkan ini merupakan plastik boleh lerau yang berbeza dengan bahan plastik biasa," katanya yang berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran syarikat kepada 3,500 tan sebulan.